

Kajian Terhadap Pengetahuan Mencari Dan Menilai Maklumat Menerusi Internet Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Di Sibul, Sarawak

Zaidatun Tasir & See Ching Ing

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Pengetahuan mencari dan menilai maklumat menerusi Internet adalah penting dan perlu dimulakan pada tahap asas. Oleh itu, guru-guru perlu menguasai pengetahuan tersebut. Dalam kajian ini tahap pengetahuan terhadap mencari maklumat dari Internet dibahagi kepada pengetahuan mencari maklumat daripada Internet dan pengetahuan mengakses laman web. Terdapat lima pengetahuan menilai maklumat yang dikaji iaitu ketepatan, kewibawaan, objektif, kekinian dan liputan (Mat Jizat Abdol *et al.*, 2005). Kajian ini juga mencari faktor-faktor yang mempengaruhi guru tidak menggunakan Internet. Seramai 165 guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dari lima buah sekolah di Bandar Sibul telah diambil sebagai sampel kajian. Kajian ini dijalankan dengan kaedah tinjauan secara soal selidik dengan nilai kebolehpercayaan $\alpha=0.78$. Dalam kajian ini, bahagian B soal selidik adalah menggunakan soalan berskala betul, salah dan tidak pasti manakala bahagian C dan D pula berskala likert-5 mata. Semua data diproses dengan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS). Hasil daripada kajian mendapati tahap pengetahuan terhadap mencari maklumat adalah pada tahap sederhana dengan peratusan betul sebanyak 50%. Manakala tahap pengetahuan terhadap menilai maklumat pula adalah agak tinggi (min=4.08). Min bagi ciri-ciri kekinian, liputan, ketepatan, objektif dan kewibawaan ialah 4.28, 4.25, 4.08, 3.96 dan 3.79. Dapatan kajian didapati masalah dihadapi adalah pada tahap sederhana (min=3.16). Min bagi sikap, kekurangan pengetahuan, kekurangan perkakasan, pihak pentadbiran dan kekangan masa masing-masing ialah 3.77, 3.38, 3.04, 3.00 dan 2.62.

Katakunci : pengetahuan mencari, menilai maklumat, guru sekolah

Pengenalan

Teknologi Maklumat mula berkembang berikutan apabila dunia sibuk memperkatakan kehebatan komputer sekitar 60-an. Keadaan ini mula menimbulkan kepentingan komputer dalam kehidupan sehingga pihak Kementerian Pendidikan memperkenalkan komputer mikro di sekolah-sekolah awal 80-an. Kemudian komputer telah mula dipelbagaikan dalam pendidikan seperti dalam program pengajaran berbantuan komputer (*Computer Aided Instruction, CAI*) (Hashim, 1998).

Dalam menuju abad ke-21, perubahan hala tuju dalam bidang ekonomi yang berasaskan pengetahuan k-ekonomi (*knowledge economy*) amat mempengaruhi sistem pendidikan di negara kita. Kemunculan penggunaan teknologi komputer dengan kemudahan Internet memberi kesan yang mendalam kepada semua pelajar agar dapat menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih seronok, berkesan dan lebih bermakna kepada pelajar (Rozinah Jamaludin, 2006).

Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama serta bantuan kepakaran MIMOS, telah melancarkan Projek Jaringan Pendidikan (Sulaiman, 1996). Melalui projek ini, Kementerian Pendidikan telah menyediakan kemudahan dan perkhidmatan rangkaian kepada para pelajar dan golongan pendidikan bagi membolehkan mereka memperoleh maklumat dari dalam dan luar negara, pertukaran maklumat dan berkomunikasi secara elektronik.

Menurut Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2005), penggunaan Internet dalam proses P&P adalah satu isu baru dalam bidang pendidikan. Internet merujuk kepada kombinasi teknologi komputer dan telekomunikasi dan sehingga kini ianya boleh dianggap sebagai kemuncak kecanggihan teknologi komputer masa kini. Ini adalah kerana ia merupakan rangkaian telekomunikasi antarabangsa yang membolehkan seseorang berinteraksi melalui komputer dengan bantuan talian telekomunikasi dan seterusnya menjelajah dunia dengan hanya sentuhan jari pada peranti-peranti input yang dipilih.

INTEL Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Kementerian Pelajaran telah bekerjasama dalam Program Perintis Teknologi Wayarles fasa ketiga yang membolehkan guru dapat mengajar dengan lebih berkesan dalam kelas melalui Internet. Menerusi fasa tersebut, sebanyak 175 sekolah boleh mengakses 500 *wireless* (WiFi) sehingga ke bilik guru, pusat penyelidikan dan makmal sains yang memfokus kepada tempat pengajaran dan pembelajaran. Program tersebut diadakan selaras dengan projek pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (ETeMS) yang diperkenalkan oleh kementerian terbabit. Pengajar boleh mengakses nota menerusi Internet dan ia lebih berkesan berbanding dengan nota kuliah. Menurut Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein (2007), teknologi tanpa wayar boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar, seperti juga pengajar boleh mengakses maklumat dan pertukaran idea dengan kumpulan lain di seluruh dunia (Utusan Malaysia, 2007).

Pernyataan Masalah

Penggunaan teknologi Internet didapati mendatangkan banyak kebaikan kepada guru-guru di sekolah. Melalui internet guru dapat mencari maklumat terkini untuk digunakan dalam proses P&P. Masalah timbul ialah adakah semua guru-guru sekolah rendah mahir dengan teknik mencari maklumat dari Internet?

Menurut Noraziah (2007), cabaran dalam menggunakan WWW kini adalah terdapatnya terlalu banyak maklumat daripada jutaan sumber dari seluruh dunia. Kita kini dibanjiri oleh maklumat yang kadangkalanya tidak berkualiti. Adalah menjadi satu masalah untuk kita menilai maklumat yang disediakan di dalam Internet memandangkan tiadanya sekatan atau tapisan untuk menyumbang maklumat ke WWW. Timbul juga masalah untuk mendapatkan kembali maklumat memandangkan terlalu banyak maklumat sedangkan masa kita untuk menggunakan sistem ini adalah terhad. Tentunya amat mengecewakan jika hasil pencarian yang dibuat tidak seperti yang diharapkan setelah berjam-jam duduk di depan komputer.

Dalam kajian Ting & Woo (2005) dengan temubual dengan beberapa guru yang kurang atau tidak menggunakan komputer untuk membantu pengajaran dan pembelajaran mereka didapati masalah utama yang dihadapi mereka adalah kekangan masa untuk menghabiskan silibus kerana menurut mereka penggunaan Internet memerlukan masa yang lama untuk dilayari dan diakses walaupun mereka bersedia menggunakan komputer dalam pengajaran. Sementara Wiburg (1997), pula mengatakan bahawa untuk membina, membangun dan mengintegrasikan sumber-sumber multimedia agak sukar walaupun mempunyai kemahuan menggunakan teknologi dalam pengajaran, mempunyai kemahiran teknikal tetapi masa dan sumber yang terhad akan terus menjadi penghalang utama dalam dunia digital.

Berdasarkan fenomena-fenomena dan dapatan-dapatan tersebut, pengkaji berhasrat untuk mengenalpasti tentang tahap pengetahuan guru-guru sekolah rendah terhadap kaedah mencari maklumat dari Internet, menilai bahan dapatan dari Internet dan faktor-faktor mendorong mereka tidak menggunakan Internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru-guru sekolah rendah terhadap mencari maklumat dari Internet.
2. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru-guru sekolah rendah dalam menilai maklumat dari Internet berdasarkan :
 - i. Ketepatan
 - ii. Kewibawaan
 - iii. Objektif
 - iv. Kekinian
 - v. Liputan
3. Mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong guru-guru sekolah rendah tidak menggunakan Internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan kepentingan kepada pelbagai golongan berikut :

i. Murid

Hasil kajian dapat membantu murid-murid dalam mempelajari kemahiran memperoleh maklumat yang sahih dari Internet. Guru yang mahir juga dapat melatih pelajar menilai kesahihan maklumat dari Internet.

ii. Guru

Maklumat yang diperolehi dari kajian ini diharapkan dapat menimbulkan kesedaran di kalangan guru-guru sekolah rendah tentang perkhidmatan Internet yang dibekalkan oleh kementerian, kepentingan memperoleh maklumat sahih dari Internet serta teknik yang betul dan cepat dalam memperoleh maklumat dari Internet.

iii. Pihak Sekolah

Maklumat yang diperolehi boleh digunakan oleh pihak pentadbiran dan guru-guru sekolah yang terlibat agar dapat memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan teknologi yang berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum.

iv. Jabatan Pendidikan Negeri

Kajian ini memberikan maklumat kepada Jabatan Pendidikan Negeri tentang perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan bersesuaian dengan pendidikan pada masa kini. Hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dalam aspek perancangan, pengurusan dan pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran di negeri masing-masing.

vi. Masyarakat

Hasil kajian dapat mendidik dan membimbing generasi masa depan negara supaya memupuk sikap menilai maklumat-maklumat yang sahih dari Internet dan menggunakan teknik yang betul dan

cepat untuk memperoleh maklumat dari Internet.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian ini ialah kajian kuantitatif jenis tinjauan. Bentuk kajian ini membolehkan data diukur secara objektif dan digeneralisasikan kepada dunia luar (Mohamad Najib, 1999). Data-data yang diperlukan untuk kajian ini dikumpul melalui borang soal selidik yang ditadbir oleh pengkaji sendiri di tempat kajian. Jadual 1 memaparkan pembahagian reka bentuk kajian kuantitatif berdasarkan jenis data yang dipungut.

Jadual 1 : Pembahagian Reka Bentuk Kajian Kuantitatif Berdasarkan Jenis Data yang Dipungut

Skop Kajian	Kaedah Kajian
Tahap pengetahuan guru-guru sekolah rendah terhadap mencari maklumat dari Internet	Kajian tinjauan menerusi soal selidik.
Tahap pengetahuan guru-guru sekolah rendah dalam menilai maklumat dari Internet	Kajian tinjauan menerusi soal selidik skala Likert.
Faktor-faktor mendorong guru-guru sekolah rendah tidak menggunakan Internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran	Kajian tinjauan menerusi soal selidik skala Likert.

Memandangkan instrumen ini dibentuk daripada gabungan beberapa instrumen yang lain, maka kajian rintis dijalankan untuk mendapatkan nilai alfa yang tersendiri. Menurut Azizi Yahaya *et al.* (2006), bagi setiap instrumen soal selidik yang dibentuk, penyelidik perlulah menjalankan kajian rintis bertujuan mengukur kesahan soalan soal selidik. Data-data dianalisis secara peratusan dan min.

Pensampelan

Populasi adalah keseluruhan kumpulan manusia, objek mahupun peristiwa yang mempunyai sedikit persamaan secara umumnya dan ia mestilah didefinisikan secara spesifik (Azizi Yahaya *et al.* 2006). Seseorang pengkaji mungkin tidak berupaya menggunakan semua anggota populasi dalam kajiannya. Oleh itu, wakil atau contoh am populasi yang dikenali sebagai sampel sahaja yang akan digunakan dalam kajian (Mohamad Najib, 1999).

Dalam kajian ini, pengkaji memilih 5 daripada 16 buah sekolah SJK(C) di daerah Sibul, iaitu bilangan sampel diambil sebanyak 31.2 % . Populasi kajian ini pula ialah guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di bahagian Sibul, Sarawak. Menurut Mohamad Najib (1999), pemilihan sampel mestilah mengikut syarat kebarangkalian, iaitu setiap sampel mewakili setiap ahli populasi atau mempunyai ciri yang agak sama dengan populasi lain. Justeru itu, berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel yang disediakan oleh Krejcie dan Morgan (1970) (rujuk LAMPIRAN 2), bilangan sampel yang diperlukan bagi populasi $N=279$ ialah sekurang-kurangnya 162 orang. Jadual 3.2 menunjukkan jumlah populasi dan sampel responden guru-guru sekolah rendah SJK (C) yang akan dipilih dalam kajian ini.

Jadual 2 : Jadual Populasi dan Sampel Responden Guru-Guru Sekolah Rendah SJK (C)

Sekolah	Jumlah Guru	Peratus (%)	Sampel Sebenar yang Telah Dipilih
A	54	19	31
B	50	18	31
C	54	20	32
D	53	18	30
E	68	25	41
Jumlah	279	100	165

Teknik pensampelan dalam kajian ini adalah jenis pensampelan rawak secara lapis. Menurut Azizi Yahaya *et al.* (2006), jenis pensampelan ini ialah proses mencabut sampel di mana unit-unit dipilih secara individu dan langsung melalui proses yang rawak. Pensampelan rawak adalah metodologi yang mudah bagi memilih unit ataupun responden. Ia sesuai digunakan apabila populasi mempunyai sifat yang hampir seragam.

Instrumen Kajian

Instrumen merupakan alat yang digunakan untuk mengukur tingkah laku manusia dan bukan fizikal manusia (Mohamad Najib, 1999). Komponen utama alat ini ialah item-item atau soalan-soalan yang boleh merangsang atau mendapatkan maklum balas. Mohamad Najib (1999) berpendapat bahawa instrumen yang baik haruslah berciri objektiviti, kesahan, kebolehpercayaan dan kepenggunaan.

Memandangkan kajian ini berbentuk kuantitatif tinjauan maka penggunaan boring soal selidik lebih mudah dan efektif (Mohamad Najib, 1999). Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan bagi memperolehi data ialah dengan menggunakan satu set soal selidik yang telah diedarkan kepada responden (rujuk LAMPIRAN 2). Set soal selidik bertujuan untuk memudahkan penyelidik menganalisis data yang diperolehi nanti. Colombo Plan (1984), menyatakan bahawa soal selidik merupakan kajian yang sering digunakan oleh penyelidik-penyelidik dalam kajian deskriptif. Menerusi instrumen soal selidik, penyelidik merasakan ia akan dapat membantu mencapai objektif kajian dengan lebih berkesan.

Azizi Yahaya *et al.* (2006), menyatakan kekuatan penggunaan kaedah tinjauan adalah satu kaedah yang efisien bagi mengutip data dalam jumlah yang banyak pada kos yang rendah dan dalam tempoh yang singkat. Selain itu, tinjauan yang berstruktur dan bersesuaian dengan analisis statistik.

Dalam kajian ini, pembentukan soal selidik adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dirangka. Set soal selidik ini mempunyai empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Di dalam bahagian A terdapat 10 soalan yang berkaitan dengan latar belakang dan maklumat responden. Dalam bahagian B pula terdapat 16 soalan yang mengkaji tahap pengetahuan guru-guru sekolah rendah terhadap mencari maklumat dari Internet. Di bahagian C pula terdapat sebanyak 18 soalan yang bertujuan mengkaji tahap pengetahuan guru-guru sekolah rendah dalam menilai maklumat daripada Internet dan bahagian D pula untuk mengkaji sebanyak 22 soalan untuk mengkaji terhadap faktor-faktor yang mendorong guru-guru sekolah rendah tidak menggunakan Internet dalam proses P&P .

Jadual 3 memaparkan bilangan soalan dan sumber rujukan yang digunakan dalam soal selidik mengikut persoalan kajian.

Jadual 3 : Bilangan Soalan Mengikut Persoalan Kajian

Bahagian	Bilangan Soalan	Sumber Rujukan
Bahagian A Profil Responden	10	Bilangan pengkaji sendiri
Bahagian B	16	Gabungan binaan pengkaji sendiri dan rujuk kepada Noraziah (2007)
Bahagian C	18	Gabungan binaan pengkaji sendiri dan rujuk kepada Mat Jizat Abdol <i>et al.</i> (2005)
Bahagian D	22	Gabungan binaan pengkaji sendiri dan ubahsuaian daripada Mohd Zuhair Azuar (2003)

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dilakukan untuk melihat kesahan dan kebolehpercayaan soalan yang terdapat dalam instrumen kajian. Penyelidik telah memilih seramai 10 orang responden yang sedang berkhidmat di SJK(C) Kwang Chien, Daerah Sarikei, Sarawak untuk tujuan kajian rintis ini. Sampel yang digunakan dalam kajian rintis tidak akan digunakan sebagai sample dalam kajian yang sebenar nanti.

Kebolehpercayaan set soal selidik ini telah diproses menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) Versi 14.0 for Windows. Setelah dianalisis didapati nilai Alpha Cronbach yang diperolehi adalah 0.78 . Ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan set soal selidik ini berada pada tahap tinggi. Menurut Salleh dan Zaidatun (2001) jika pekali Alpha Cronbach berada di antara 0.6 hingga 1.0, nilai ini menunjukkan item kajian diterima dan instrument serta item-item pernyataan tidap perlu diubahsuai.

Analisis Data

Jadual 4 : Min Keseluruhan bagi Faktor-Faktor Tidak Menggunakan Internet

Bil	Faktor-Faktor	Min Keseluruhan
1	Sikap	3.77
2	Kekurangan Pengetahuan	3.38
3	Kekurangan Perkakasan	3.04
4	Pihak Pentadbiran	3.00
5	Kekangan Masa	2.62
	Min Keseluruhan	3.16

Jadual 4 pula memaparkan min keseluruhan bagi setiap faktor iaitu sikap, kekangan masa, kekurangan pengetahuan, kekurangan perkakasan dan pihak pentadbiran.

Dalam Jadual 4, didapati faktor sikap menunjukkan min paling tinggi berbanding dengan faktor lain iaitu 3.77. Ini menunjukkan sikap guru terhadap penggunaan Internet adalah sederhana. Manakala faktor kekangan masa menunjukkan min paling rendah iaitu 2.62. Oleh itu, faktor kekangan masa merupakan faktor utama yang dihadapi di kalangan guru-guru sekolah rendah. Secara keseluruhan didapati faktor-faktor yang mendorong guru-guru tidak menggunakan Internet adalah pada tahap sederhana dengan min keseluruhan sebanyak 3.16.

Jadual 5 pula memaparkan min keseluruhan bagi setiap ciri-ciri dalam tahap penilaian maklumat dari Internet iaitu umum, ketepatan, kewibawaan, objektif, kekinian dan liputan.

Jadual 5 : Min Keseluruhan bagi Ciri-Ciri tentang Tahap Guru-Guru Penilaian Maklumat dari Internet.

Bil	Ciri-ciri	Min Keseluruhan
1	Kekinian	4.28
2	Liputan	4.25
3	Umum	4.12
4	Ketepatan	4.08
5	Objektif	3.96
6	Kewibawaan	3.79
	Min Keseluruhan	4.08

Daripada Jadual 5, didapati ciri-ciri kekinian menunjukkan nilai min paling tinggi iaitu 4.28. Walau bagaimanapun nilai ini tidak jauh berbeza dengan nilai min liputan iaitu 4.25. Nilai min paling rendah adalah kewibawaan iaitu 3.79. Secara keseluruhan didapati bahawa tahap penilaian maklumat dari Internet di kalangan guru adalah pada tahap yang agak tinggi dengan min keseluruhan sebanyak 4.08.

Perbincangan

Dalam kajian ini, terdapat majoriti responden adalah terdiri daripada responden perempuan iaitu 83.6%. Selebihnya adalah responden lelaki iaitu sebanyak 16.4% (rujuk Jadual 4.2). Perkara ini adalah biasa terutama di semua sekolah rendah di seluruh Malaysia. Mengikut kajian Tan (1998) terhadap Sekolah kebangsaan Convent Kajang didapati majoriti responden adalah guru perempuan (90.9%).

Selain itu, majoriti responden adalah guru PPSMI iaitu 71.5%. Golongan guru tersebut terlibat dalam penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran, maka tidak hairanlah peratusan pernah menggunakan perkhidmatan Internet adalah sebanyak 65.5%.

Jadual 4.9 juga menunjukkan kebanyakan guru tidak pernah menghadiri kursus tentang Internet iaitu 72.7%. Terdapat 63.5% menghadiri kursus dianjurkan oleh JPN dan PPD. Pihak JPN dan PPD memang aktif menganjurkan kursus komputer.

Berdasarkan Jadual 4.11 didapati soalan 1 (92.1%), 3 (85.5%) dan 5 (75.8%) memperolehi peratusan betul yang melebihi 70%. Nilai peratusan betul yang agak tinggi bagi ketiga-tiga soalan ini menunjukkan guru berpengetahuan tentang :

- i. Teknik mencari maklumat daripada Internet efektif menjimatkan masa
- ii. Pengguna konsep kata kunci
- iii. Jenis injin pencarian maklumat

Memandangkan majoriti responden pernah menggunakan perkhidmatan Internet, maka tidak hairanlah responden dapat menjawab soalan konsep umum dengan betul. Ini bertepatan dengan dapatan Ong (2000), guru haruslah melengkapkan diri dengan kemahiran menggunakan injin pencari untuk mencari maklumat yang dikehendaki daripada internet.

Ini disebabkan kebanyakan guru mempunyai pengetahuan Internet setakat umum sahaja dan bukan semua mengetahui tentang fungsi direktori. Biasanya kursus yang dianjurkan oleh JPN dan PPD juga tidak merangkumi teknik-teknik yang lebih mendalam dan spesifik terutamanya fungsi direktori.

Responden kurang berpengetahuan tentang soalan-soalan berkenaan fungsi yang lebih spesifik disebabkan kebanyakan responden jarang menggunakan kemahiran tersebut serta pengalaman yang terhad. Menurut Baharaddin Aris *et al.* (2003), pencarian maklumat menerusi Internet memerlukan kemahiran tertentu dan selalunya kemahiran ini datangnya daripada pengalaman. Pengetahuan yang lebih mendalam dan spesifik ini penting tetapi sukar dikuasai. Kursus yang ditawarkan oleh JPN atau PPD selalunya tidak merangkumi pengetahuan lebih mendalam. Tetapi sesetengah guru mempunyai inisiatif sendiri untuk mengetahui kemahiran lebih mendalam.

Merujuk Jadual 4.12, didapati bahawa soalan 2 (63.6%) dan 4 (60.6%) memperoleh peratusan betul sederhana. Soalan-soalan adalah seperti di bawah :

- i. Perisian pelayaran untuk melayari laman-laman web adalah seperti Internet Explorer, Netscape Navigator, Opera, dan Mozilla Firefox.
- ii. Cara yang paling cepat dan pantas mencari sesuatu maklumat daripada Internet adalah mengetahui alamat laman web tersebut iaitu URL-Uniform Resource Locator

Ini bermakna kebanyakan responden tahu makna umum URL tetapi tidak secara mendalam. Sejalan dengan kajian Ranjit Kaur & Ghua (2002) terhadap guru pelatih di Institut Bahasa Melayu Malaysia didapati 70% responden pernah mengakses maklumat menggunakan Internet dan penggunaan kemudahan-kemudahan Internet masih di tahap yang kurang memuaskan dan terhad kepada penggunaan kemahiran asas Internet sahaja.

Dalam kajian ini, ciri-ciri untuk menilai maklumat daripada Internet dianalisis merangkumi ketepatan, kewibawaan, objektif, kekinian dan liputan. Berdasarkan Jadual 4.19, didapati ramai responden mementingkan tentang ciri kekinian yang mencapai tahap min keseluruhan yang agak tinggi sebanyak 4.28. Ini bermakna majoriti lebih peka terhadap ciri kekinian. Mengikut Jadual 4.17, soalan-soalan berkaitan ciri kekinian adalah soalan 12, 13, 14 dan 16. Soalan yang dipersetujui oleh kebanyakan responden ialah :

- i. Laman web yang berkualiti lazimnya akan menyatakan tarikh apabila bahan tersebut dikemaskini (min=4.18).
- ii. Laman web sepatutnya menyampaikan maklumat terkini (min=4.46).
- iii. Adalah penting menilai maklumat sesuatu laman web itu sebagai terkini atau tidak (min=4.25).
- iv. Maklumat tarikh akhir laman web dikemaskini adalah penting (min=4.23).

Faktor-faktor yang mendorong guru-guru sekolah rendah tidak menggunakan Internet yang dikaji dalam kajian ini melibatkan faktor sikap guru, kekangan masa, kekurangan tahap pengetahuan, kekurangan perkakasan dan pihak pentadbir.

Dalam kajian ini, didapati masalah utama yang dihadapi oleh responden adalah kekangan masa. Min keseluruhan bagi kekangan masa mencapai paling rendah iaitu 2.62 (Rujuk Jadual 4.21). Oleh itu, kebanyakan responden tidak mempunyai masa yang cukup untuk menggunakan kemudahan Internet di sekolah. Bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Zuhair (2003) tentang penggunaan Internet di kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Johor Bahru didapati majoriti daripada responden menyatakan masa merupakan kekangan utama dengan seramai 49 orang (98%) responden bersetuju masa merupakan kekangan utama dalam menggunakan talian Internet yang disediakan. Soalan-soalan berkaitan kekangan masa adalah soalan 6, 7, 8 dan 9. Soalan yang dipersetujui oleh kebanyakan responden ialah :

- i. Saya mempunyai masa yang cukup untuk menggunakan kemudahan Internet di sekolah (min=2.35).
- ii. Saya mempunyai jadual peruntukan masa sendiri untuk melayari Internet (min=2.38).
- iii. Saya akan menghabiskan banyak masa untuk mencari bahan pengajaran menerusi Internet (min=2.77).
- iv. Saya suka mengisi masa lapang dengan mengakses Internet (min=2.98).

Kesimpulannya, didapati min keseluruhan mencapai tahap sederhana iaitu sebanyak 3.16 (Rujuk Jadual 4.25). Kebanyakan responden tidak menghadapi masalah besar kecuali masalah kekangan masa. Kebanyakan responden bersedia menggunakan Internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Rujukan

- ___(2007 April 8). Ubah cara guru mengajar, murid belajar. *Utusan Malaysia*. Retrieved April 8, 2007, from http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2007&dt=0408&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_03.htm&arc=hive
- Ahmad Basri Hashim. (2003). *Pendidikan Dalam Internet*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Becker, W.E. & Watts, M. (1996). *Chalk and Talk: A National Survey on Teaching Undergraduate Economics*. *American Economic Review*, 86(2) 448-453.
- Chiero, R. T. (1997). Teacher perspective on factor that affect computer use. *Journal of Research on Computing in Education*, 30(2),133-
- Douglas D. Cross. (2002). *Determining Standards For Sources Of Free Information On The Internet For Inclusion In Academic Library Holdings By 2010*. Degree Doctor of Education. East Tennessee State University
- Educational Market Research. (1999). *National Survey of The Teacher Use of Digital Content*. Education Week's, Rockway Park, NY, 1-3.
- Foong Peck Lee. (1999). *Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Kertas Projek Master Sains, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Hamdan Bin Mohd Nawawi (2003). *Penggunaan Komputer Dan Internet Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Oleh Guru Di Sekolah Menengah Teknik Di Seluruh Negeri Kelantan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Jamalludin Harum dan Zaidatun Tasir. (2003). *Pembangunan Perisian Multimedia, Satu Pendekatan Sistematis*. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia

- Mohd Zuhair Azuar Bin Arifin (2003). *Penggunaan Internet di Kalangan Guru- Guru Teknikal Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Nohaini Senu (1999) dalam kajian Mohd Zuhair Azuar Bin Arifin (2003).
- Noraziah Sharuddin (2007). Pencarian Maklumat Melalui Internet. Retrieved Ogos 8 , 2007, from <http://www.psz.utm.my/nets.htm>
- Ong, Teck Seng (2000). *Tahap Penggunaan Internrt Di kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Di Bahau, Negeri Sembilan*. Tesis Ijazah Master Sains. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Palani Murugappan. (1999). *Internet Langkah Demi Langkah*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Ranjit Kaur & Chua Lay Siok (2002). *Tinjauan Penggunaan Internet Di Kalangan Guru Pelatih Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM) Ke Arah Pembelajaran Elektronik*. Seminar Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pendidikan, MPBL, 2002. Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur
- Sunal, C. D., Sunal, C., Smith & J. Britt. (1996). *Elementary Perceive Teacher Use Of The Internet In Designing & Teaching Social Studies Based Integrated Units*, National Council For Social Studies. Washington D.C.
- Tan Ai Nghoh. (1998). Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan Convent Kajang. *Jurnal Pendidikan Tigaenf 1998*, Jilid 2 : Bil 2, Jabatan Teknologi Maklumat, Kuala Lumpur
- Whyte, E. (2000). *Protecting Kids From Online Dangers*. Computimes : NST. February 10, pp.38.
- Zalina Yahaya. (2002, 15 Julai). IT dan komputer: Nadi sekolah bestari. *Utusan Malaysia*